



## **BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

### **KETERANGAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa murid lepasan Tingkatan Tiga (3) Tahun 2022 untuk memohon program yang ditawarkan bagi ambilan 2023 seperti yang berikut:

1. Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab merupakan penggabungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan Program Ulul Albab yang menawarkan pengajian turath bagi murid-murid aliran sains tulen pada peringkat menengah atas.
2. Matlamat penawaran pakej mata pelajaran al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab adalah sebagai nilai tambah kepada pengenalan asas pengajian turath disamping penguasaan hafazan 30 juzuk bagi murid-murid aliran sains tulen.
3. Pelaksanaan al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab merupakan usaha KPM untuk memberi peluang kepada murid-murid cemerlang menggabung jalin ilmu agama dan ilmu sains secara holistik yang menyatukan sains revelational (ilmu Naqli) dan sains rasional (ilmu 'Aqli) bagi melahirkan generasi ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang mengikut acuan Malaysia yang menghayati konsep Maqasid Syariah.

### **SISTEM PENDIDIKAN IMTIAZ**

1. Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah kelolaan Yayasan Terengganu.
2. Sebagai salah sebuah sekolah di bawah agensi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sistem pendidikan imtiaz ini diwujudkan untuk merealisasikan matlamat KPM dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berdaya maju.
3. Sistem pendidikan imtiaz digubal berteraskan aliran sains, tahfiz dan turath untuk melahirkan murid yang pakar dalam bidang agama dan profesional bagi merealisasikan hasrat kerajaan menterjemahkan konsep Maqasid Syariah dalam pentadbiran dan urus tadbir negara Malaysia.

### **LOKASI PENGAJIAN**

Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut,  
Kompleks Sekolah Menengah Imtiaz,  
Yayasan Terengganu Besut & Kota Putra,  
22200 Besut Terengganu

**PANDUAN KEMASUKAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**TINGKATAN EMPAT (4) AMBILAN 2023**

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan menduduki ujian ini secara dalam talian di laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> mulai **19 Januari 2023 hingga 18 Februari 2023**.

**1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Permohonan ini terbuka kepada murid yang berkelayakan berdasarkan syarat permohonan seperti yang berikut:

- 1.1 Warganegara Malaysia.
- 1.2 Keutamaan kepada murid yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM dari sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Yayasan Negeri dan sekolah-sekolah swasta yang berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Swasta atau Pihak Berkuasa agamaNegeri (PBAN).
- 1.3 Pemilihan calon akan dinilai berdasarkan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kesihatan (PAJSK).
- 1.4 Calon memperoleh sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran mencapai Tahap Penguasaan 5 (TP5) termasuk mata pelajaran:
  - i) Bahasa Melayu;
  - ii) Matematik;
  - iii) Sains;
  - iv) Pendidikan Islam/ Usul al-Din/ al- Syariah; dan
  - v) Bahasa Arab/ al-Lughah al-Arabiah al- Muasirah
- 1.5 Calon telah menguasai hafazan al-Quran sekurang-kurangnya 20 juzuk yang diperakukan oleh pihak sekolah.
- 1.6 Calon akan melalui proses temu duga secara bersemuka di pusat temu duga terpilih dan perlu hadir membawa dokumen seperti yang berikut:
  - i) salinan keputusan akhir Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) atau peperiksaan pertengahan/akhir tahun 2022 yang telah disahkan oleh pihak sekolah;
  - ii) buku rekod hafazan al-Quran yang telah disahkan oleh pihak sekolah; dan
  - iii) salinan pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kesihatan (PAJSK) yang telah disahkan oleh pihak sekolah

- 1.7 Mempunyai tubuh badan yang sihat untuk mengikuti pengajian ini sepenuhnya sehingga tamat tingkatan lima.

## **2. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN**

- 2.1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> mulai **19 Januari 2023 (Khamis)**.
- 2.2. Calon yang didapati memberi maklumat salah atau tidak benar atau manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran kemasukan. Maklumat ini juga akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran murid.

## **3. TEMU DUGA KEMASUKAN MURID**

- 3.1 Temu duga kemasukan al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia murid tingkatan 4 Ambilan 2023 akan diadakan secara bersempua di pusat temu duga terpilih.
- 3.2 Bidang yang akan diuji dalam ujian temu duga adalah seperti berikut:
  - i) Bahasa Arab;
  - ii) Hafazan Al-Quran; dan
  - iii) Pengetahuan Am.
- 3.3 Semakan berkaitan temu duga adalah seperti maklumat yang berikut:
  - i) Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>; dan
  - ii) Calon yang berjaya dalam temu duga al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab boleh menyemak keputusan temu duga melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>.

## **4. MAKLUMAN DAN PERHATIAN**

- 4.1. Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang mulai **01 Mac 2023**.

4.2. Calon yang berjaya dalam temu duga al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab boleh menyemak keputusan temu duga melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> pada **16 Mac 2023**.

**5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

18 Februari 2023 (Sabtu)

**6. RUJUKAN DAN PERTANYAAN**

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan:

<b>BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM</b> KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ARAS BAWAH & DUA NO 2251 JALAN USAHAWAN 1 63000 CYBERJAYA SELANGOR u.p: En. Umar Khalis Bin Mamat Unit Kemajuan Sekolah Agama 03-83217348 <a href="mailto:umar.mamat@moe.gov.my">umar.mamat@moe.gov.my</a>	<b>YAYASAN TERENGGANU</b> BANGUNAN YAYASAN JALAN SULTAN ISMAIL 20200 KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN u.p: En. Hafizuddin b. Samuri Bahagian Pengurusan Imtiaz 09-6211800/096211801 <a href="mailto:hafizsamuri32@gmail.com">hafizsamuri32@gmail.com</a>
---	--